Universiti Teknologi MARA | Cawangan Melaka

# e-BuletinUiTMCM Citra

| UiTM Cawangan Melaka

# Januari

eBuletinUiTMCM Vol.01 - Januari /22

## Lawatan Timbalan Naib Canselor HEP UiTM



*Sorotan menarik bulan ini*

Lawatan penanda aras (SLDN)

Mesyuarat mini META UiTM





(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Universiti Teknologi MARA | Cawangan Melaka

# Sidang Redaksi

## e-BuletinUiTMCM

| UiTMCM



**Ketua Editor**
Akmal bin Adanan



**Penolong Editor**
Arif Imran bin Anuar Yatim



**Editor Buletin**
Azniza binti Hasan



**Editor Buletin**
Hasnor Zura binti Hashsim



**Editor Buletin**
Khalidah Hadibah binti Md Khalid



**Editor Buletin**
Suraini binti Mohammad



**Editor Grafik**
Mohd Hanif bin Mohd Omar



**Editor Grafik**
Hail Jefri bin Rusli



**Isi kandungan**
Anwar Farhan bin Zolkeplay



**Isi kandungan**
Mohamad Asrol bin Arshad



**Isi kandungan**
Nur Hidayah binti Zaini



**Isi kandungan**
Norazimah binti Mat



UiTMCM Telegram channel

Dapatkan maklumat-maklumat Universiti dari Telegram rasmi

Sila imbas kod di atas untuk ke **"Channel STAF UiTMCM"**

Sila imbas kod di atas untuk ke **"Channel PELAJAR UiTMCM"**

Cawangan Melaka

*Citra* e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Pertama- Januari 2022

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No. Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

**PENAFIAN :**
Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2021 Hakcipta Terpelihara

| UiTM Cawangan Melaka

# Isi Kandungan

## e-BuletinUiTMCM

| UiTMCM

**Pendahuluan**

Dari Meja Ketua Editor 6

**Program-program Universiti 7**

Bencana banjir UiTM Bandaraya Melaka 8

Lawatan Timbalan Naib Canselor HEP UiTM 9

Misi UiTM Melaka Prihatin Banjir ke Gambang, Pahang 10

Majlis Penutup Minggu Aspirasi Budaya (MAYA 2021) 11

Misi Bantuan Sukarelawan Banjir Briged Sukarelawan UiTM Cawangan Melaka 12

Misi Bantuan Sukarelawan Banjir Briged Sukarelawan UiTM Cawangan Melaka di Kampung Spang Loi, Segamat, Johor 13

Misi Sukarelawan UiTM Cawangan Melaka Prihatin Banjir 14

Perbincangan di antara Executive Master of Business Administration (EMBA) dan Melaka International Collage of Science and Technology (MiCOST) 15

Mesyuarat Misi META UiTM 16

Lawatan Penanda Aras Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dari UiTM Cawangan Kelantan 17

Centre of Postgraduate Studies Virtual Open Day 18

Taklimat Prosedur Pengurusan MoU/MoA & Sitem NILAMs 19

**Siri Bengkel & Webinar 21**

Poster Webinar 22

**Ucapan Tahniah & Kenaikan Pangkat Staf 23-27**

**Kejayaan & Pencapaian 28**

**UiTM Artikel 29**

Kerah Keringat Bersih Rumah Mangsa Banjir 30

Kepimpinan Islam Lebih Bermoral 31

Pantau Kenaikan Harga Barang 31

Iman Tak Sempurna Jika Tidak Amanah Tunai Tanggungjawab 32

Kuasa Netizen di Media Sosial 33

SKMM Perlu Tegas Tangani Berita Palsu Vaksinasi 33

Sokong Sasaran Lahir Generasi Tidak Kenal Rokok 34

Portal KKM Saluran Peroleh Maklumat Sahih Vaksinasi 35

Dari Meja

# KETUA EDITOR



Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin Citra - Vol.01 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Januari 2022.

e-Buletin edisi kali ini memaparkan program-programa antaranya misi bantuan banjir, Lawatan TNC HEP dan Perbincangan di antara Executive Master of Business Administration (EMBA) dan Melaka International College of Science and Technology (MiCOST).

Semoga paparan kali ini dapat dijadikan sumber rujukan dan memberi info-info terkini kepada semua warga kampus.

Sekian, terima kasih.

**Akmal Adanan**
Ketua Unit Komunikasi Korporat

# Program-program Universiti

# BENCANA BANJIR UiTM BANDARAYA MELAKA






MELAKA, 2 Januari 2022 - Kejadian banjir sekitar Bandar Melaka turut memberi kesan kepada kediaman pelajar di Kolej Tun Mamat dan Kolej Tun Mutahir, UiTM Kampus Bandaraya Melaka pada hari ini.

Limpahan air dari Sungai Melaka berikutan hujan berterusan sejak beberapa hari yang lalu serta kejadian air laut pasang besar menyebabkan kawasan kolej kediaman dinaiki air.YBhg. Rektor, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini merangkap Pengerusi Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JKOBN) UiTM Melaka telah mengambil keputusan pantas memindahkan 51 pelajar siswa dan 114 siswi ke UiTM Kampus Alor Gajah pada jam 2.30 petang tadi. Permindahan pelajar ke kampus sementara dilakukan bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar terjaga dan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dapat diteruskan seperti biasa.



# LAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR HEP UiTM

ALOR GAJAH, 3 Januari 2022 - Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (HEP) UiTM meluangkan masa pada hari ini melawat dan menyantuni pelajar-pelajar UiTM Kampus Bandaraya Melaka yang ditempatkan di UiTM Kampus Alor Gajah berikutan kejadian banjir di Kolej Tun Mamat dan Tun Mutahir semalam.

YBhg Timbalan Naib Canselor berpuas hati dengan keselamatan, kebajikan dan kemudahan yang disediakan kepada 165 mahasiswa.

Beliau juga bersyukur keputusan pantas telah diambil oleh pengurusan kampus membolehkan mahasiswa berada dalam keadaan selesa, seterusnya memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

Turut hadir Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini, Rektor, Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor HEP serta En. Zulkifly Abd Majid, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Kolej.











# MISI UiTM MELAKA PRIHATIN BANJIR KE GAMBANG, PAHANG

KUANTAN, 5 Januari 2021 - Sebanyak 71 buah keluarga mangsa banjir di Taman Guru, Batu 5, Gambang, Pahang menerima sumbangan yang dikumpulkan daripada pelbagai pihak hari ini melalui Misi UiTM Melaka Prihatin Banjir ke Gambang anjuran Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri, UiTM Melaka dengan kerjasama Team Jom Sedekah Melaka, Sahabat Amal Care Pahang, dan KRT Taman Cheng Setia.Program dimulakan dengan YBhg. Rektor, Profesor Madya Ts. Dr Mohd Rasdi bin Zaini menyerahkan beberapa unit Al-Quran kepada Haji Suriadi bin Abdul Jalal, Pengerusi KRT Taman Guru, dan diteruskan dengan penyerahan barangan sumbangan seperti telekung, sejadah, Al-Quran, tuala mandi, toto, bantal serta barangan keperluan dapur dari rumah ke rumah.











# Majlis Penutup Minggu Aspirasi Budaya (MAYA 2021)







MELAKA, 13 Januari 2022 - Telah berlangsung Majlis Penutup Minggu Aspirasi Budaya (MAYA 2021) anjuran Kelab Warisan Budaya (KWB) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya Melaka. Sebanyak 10 Kategori dipertandingkan dimana 9 kategori adalah bagi pelajar dan 1 kategori staf. Antara kategori yang dipertandingkan adalah Nyanyian Solo Lagu Klasik, Nyanyian Solo Lagu Jiwang dan Diva, Lagu Duet, Monolog dan Tarian Zapin.

Majlis penutup telah dirasmikan oleh Encik Mohd Halim bin Mahphoth, Penolong Rektor Kampus Bandaraya Melaka.Tahniah diucapkan kepada Persatuan Human Resource (HURES) kerana telah menjadi juara keseluruhan bagi Program Minggu Aspirasi Budaya (MAYA 2021).





# Misi Bantuan Sukarelawan Banjir Briged Sukarelawan UiTM Cawangan Melaka

TAMPIN, 08 Januari 2022 – Misi bantuan sukarelawan banjir UiTM Cawangan Melaka di bawah kelolaan Unit Pengurusan Risiko dan Briged Sukarelawan telah ke Felda Sungai Kelamah, Gemas Negeri Sembilan.

Seramai 10 orang pelajar Komander Kesatria, 3 orang pelajar ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta wakil dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islamic Relief turut serta dalam menjayakan misi ini. Para sukarelawan membuat pengagihan sumbangan kepada masyarakat yang terjejas akibat banjir. Penghargaaan dan ucapan terima kasih kepada warga universiti dan orang awam yang telah sama-sama menyumbang untuk menjayakan program bantuan ini juga kepada Pengerusi FELDA Sungai Kelamah, Jawatankuasa penduduk serta wakil NGO Islamic Relief. Aktiviti kesuralewanan ini diharap dapat membantu penduduk yang terjejas, seterusnya merupakan platform yang baik untuk membentuk semangat toleransi, berkerjasama dalam satu pasukan serta mewujudkan hubungan yang baik antara universiti dan masyarakat.













# Misi Bantuan Sukarelawan Banjir Briged Sukarelawan UiTM Cawangan Melaka Di Kampung Spang Loi, Segamat, Johor

SEGAMAT, 09 Januari 2022 – Misi bantuan sukarelawan banjir UiTM Cawangan Melaka telah membantu beberapa mangsa yang terjejas di Kg Spang Loi, Segamat, Johor.

Misi bantuan kali ini adalah anjuran Unit Pengurusan Risiko, Briged Sukarelawan UiTM Cawangan Melaka, Persatuan Wanita UiTM (PEWANI) serta Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Cabang UiTM Cawangan Melaka melibatkan seramai 45 orang sukarelawan terdiri daripada staf dan pelajar serta wakil dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islamic Relief.

Hasil sumbangan warga universiti serta orang awam diagihkan kepada penduduk yang terlibat diwakili oleh penaung PEWANI, Puan Noryantie binti Abu .

Para sukarelawan juga membantu dengan melakukan kerja-kerja pembersihan kediaman penduduk kampung yang terjejas akibat banjir.

Terima kasih diucapkan kepada Ketua Kampung Spang Loi dan jawatankuasa penduduk yang telah sama-sama menjayakan program bantuan ini. Turut hadir YBrs Dr. Irzan bin Ismail, Ketua Unit Pengurusan Risiko universiti.













# Misi Sukarelawan UiTM Cawangan Melaka Prihatin Banjir

SEGAMAT, 15 Januari 2021 - Misi sukarelawan UiTM Cawangan Melaka Prihatin Banjir di Segamat membantu 54 buah keluarga mangsa banjir di sekitar Kampung Padang Kiambang, Buluh Kasap & Kampung Simpang Loi baru-baru ini.

Program bantuan anjuran Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI), Jawatankuasa Operasi Bencana UiTM Melaka dengan kerjasama Team Jom Sedekah Melaka, Pertubuhan Muafakat Komuniti Ihsan Melaka (PMKIM), dan Kelab Rukun Tetangga (KRT) Taman Cheng Setia ini dijalankan bagi meringankan beban mangsa banjir.Pasukan bantuan banjir ini diketuai oleh Dr Nur Hayati Binti Abdul Rahman, Timbalan Rektor PJI, bersama 50 orang sukarelawan, menyampaikan bantuan barangan seperti telekung, sejadah, Al-Quran, kit "back to school", bag sekolah, alat permainan kanak2, tuala mandi, toto, bantal serta barangan keperluan dapur hasil sumbangan banjir daripada pelbagai pihak dari warga universiti serta orang awam.

Turut hadir adalah beberapa orang wakil NGO PMKIM, diketuai oleh Encik Mohamad Yusof bin Mohamad Addan, Ketua Kampung Padang Kiambang Encik Fadli bin Malik serta wakil penduduk kampung tersebut, Puan Rafidah Mohamed.



# Perbincangan di antara Executive Master of Business Administration (EMBA) dan Melaka International College of Science and Technology (MiCOST)



MELAKA, 12 Januari 2022 - Telah berlangsung perbincangan di antara Executive Master of Business Administration (EMBA) dan Melaka International College of Science and Technology (MiCOST) yang bertempat di MiCOST Wisma Yayasan Melaka bagi mempromosikan AA701 (EMBA) dan program pascasiswazah secara penyelidikan yang ditawarkan di UiTM Cawangan Melaka.Turut menghadiri perbincangan tersebut Prof. Madya Dr. Ismadi Md Badaruddin, TRHEA UiTMCM dan YBrs. Tuan Akmal bin Abdul Manap, Ketua Eksekutif MiCOST.



# Mesyuarat Mini META UiTM



MELAKA, 17 Januari 2022 - Telah berlangsung Mesyuarat Mini META UiTM bertempat di Dewan Gadung, Hotel UiTM, Dungun Terengganu pada 14-16 Januari 2022.





Mesyuarat yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Melaka telah melibatkan 20 orang peserta yang terdiri daripada Ketua - Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator-kordinator Fakulti dan barisan Penolong Pendaftar HEA UiTM Cawangan Melaka dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Ismadi bin Md Badarudin, Timbalan Rektor HEA.









# Lawatan Penanda Aras Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Dari UiTM Cawangan Kelantan

ALOR GAJAH, 27 Januari 2022 - Telah berlangsung Lawatan Penanda Aras Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dari UiTM Cawangan Kelantan bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Lawatan ini diketuai oleh Ts. Dr Khalid Abdul Wahid, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Kelantan bersama dengan 5 orang pegawai.

YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Melaka memulakan program dengan ucapan alu-aluan bagi menyambut kedatangan rombongan. Program dimulakan dengan memberikan pendedahan dan perkongsian tentang Program One Student One Skill (OS1S) dan Pelaksanaan SLDN oleh Penyelaras Pusat Latihan SLDN UiTM Cawangan Melaka Ts. Dr. Alya Geogiana Buja. Seterusnya, sesi perkongsian pengalaman pengajar-pengajar oleh wakil tenaga pengajar iaitu En Syahiru Shafiai (Operasi Jualan & Pemasaran) dan En Muhammad Firdaus Amairudin (Rekabentuk Grafik). Kemudian, sesi perbincangan dan soal jawab dijalankan. Program diteruskan dengan sesi lawatan di sekitar kampus dan diakhiri dengan sesi fotografi bersama Rektor UiTM Cawangan Melaka, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini.

Turut hadir Puan Che Manisah Che Mohd Yusof, Pengurus Pusat Latihan SLDN serta wakil tenaga pengajar dan Ahli Jawatan Kuasa Pusat Latihan SLDN UiTM Cawangan Melaka.









Program Universiti







Cawangan Melaka
Unit for Curriculum Affairs & Academic Development
TAKLIMAT
PROSEDUR PENGURUSAN
MoU/MoA &
Sistem NILAMs
PENCERAMAH:
AEMILLYAWATY BT ABAS
PENYELARAS MoU, PJI
UiTM CAWANGAN MELAKA
NAZARUL AZALI BIN RAZALI
LIAISON OFFICER OIA
UiTM CAWANGAN MELAKA
19hb JANUARI 2022
2:30 - 5:00 PETANG
GOOGLE MEET:
https://meet.google.com/okt-qjgk-rem
TERBUKA KEPADA SEMUA PENSYARAH UiTM CAWANGAN MELAKA
Penyertaan pensyarah yang merancang/berminat mengadakan MoU/MoA amat digalakkan
ANJURAN:
Unit for Curriculam Affairs and Academic Development (UCAAD)
Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)
UiTM Cawangan Melaka
DENGAN KERJASAMA:
Unit MoU, Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI) &
Office of International Affair (OIA)
UiTM Cawangan Melaka
PENDAFTARAN SEBELUM/PADA 17hb JANUARI 2022
https://tinyurl.com/UiTMCM-NILAMs

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

# Siri Bengkel & Webinar
## Universiti


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
SERVICE LEARNING MALAYSIA
SULAM
UNIVERSITY FOR SOCIETY
PERANAN IPT DALAM MEMARTABATKAN DAN MEMPERKASAKAN INSTITUSI BERAJA DI MALAYSIA
TARIKH : 6 JANUARI 2022 (KHAMIS)
MASA : 8.00 MALAM - 10.00 MALAM
PLATFORM : YOUTUBE LIVE, UITM CAWANGAN MELAKA
MODERATOR
Encik Mohd Ab Malek Md Shah
Pensyarah Kanan
Jabatan Undang- Undang
UiTM Cawangan Melaka
BERSAMA PANEL
Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Ab. Aziz
Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, UiTM
PENYERTAAN DISEDIAKAN E-SIJIL
KURSUS HPD238 - RAJA BERPERLEMBAGAAN LANJUTAN
SESI OKTOBER 2021 - FEBRUARI 2022
UiTM di hatiku


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
IJAD
prelude to the art & design journal: ijad
Program Pengenalan Jurnal IJAD merupakan inisiatif yang diambil oleh FSSR UiTM Cawangan Melaka dalam memperkasakan budaya akademik dalam kalangan staf dan juga pelajar diperingkat pasca siswazah.
Syarahan ini dianjurkan bagi mendedahkan kepada umum mengenai perkembangan IJAD dalam menyiapkan penyelidikan yang merupakan perkara penting dalam dunia akademik.
"Engaging research to Art & Design"
Wednesday
5 jan 2022
2.00-4.30pm
Cisco Webex
Meeting link: https://meet183.webex-.com/meet183/j.php?MTID=m4288754b10c10c1af0a27ad1afde153d
Meeting number: 2644 434 4418
Meeting password: sJDrmDub428
Join from a video or application Dial 26444344418@meet183.webex.com
Meeting password for video system 75376382
Join by phone Use VoIP only
Penceramah
PM Dr Azahar Harun
Ketua Editor IJAD
Senior Lecturer
Faculty of Art & Design
Universiti Teknologi MARA
Melaka, Malaysia.
Moderator
Fazlina Mohd Radzi
Lecturer
Faculty of Art & Design
Universiti Teknologi MARA
Melaka, Malaysia.
content
Journal and University
Introduction of IJAD
(Background, committee, role)
Achievement of IJAD (Vol. 1- 6)
Requirement of IJAD
Privileges participating in IJAD
Milestone (future planning)
Q&A


CALL FOR PAPERS
CONFERENCE TRACK
SOCIAL SCIENCES
SCIENCE AND TECHNOLOGY
REGISTRATION FEES
LOCAL / INTERNATIONAL PRESENTER RM 300
All accepted papers will be published in MyCite journal
IMPORTANT DATES
CALL FOR PAPERS 11 JAN 2022
FULL PAPER DEADLINE 11 MAR 2022
PAYMENT & REGISTRATION 15 MAR 2022
CONFERENCE 22 & 23 MAR 2022
Organized by
Division of Research & Industrial Linkages
UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah
KM 26 Jalan Lendu 78000 Alor Gajah
Melaka MALAYSIA
website : www.mic3st.com
email : mic3st@uitm.edu.my
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
MELAKA INTERNATIONAL CONFERENCE ON SOCIAL SCIENCES, SCIENCE AND TECHNOLOGY
MIC3ST 2022
"LEVERAGING SOCIAL AND TECHNOLOGY IN ENDEMIC"
Virtual Conference
22 & 23 MARCH 2022
MELAKA, MALAYSIA
Scan for More


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
BITCOM
PANEL 1
Mr. Irfan Awang
Patentsworth International Sdn Bhd
Title: IP Protection Mechanism for Sciences and Bio-Medical Research
PANEL 2
Dr. Farizah Mohamed Isa
Deputy Director of Legal & Intellectual Property Management, BITCOM UiTM
Title: UiTM IP Application Process
MODERATOR
Mr. Muhammad Helmi Muhammad Khair
Coordinator of Legal & Intellectual Property Management, BITCOM UiTM
Sharing Session on BITCOM IP Aware 2022 Series - IP and Biomedical Sciences
Date : 28th January 2022
Time : 10am – 12.30pm
Platform:
Facebook Live
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS
webex
Organize By:
Research and Innovation Division, UiTM Cawangan Selangor
and
Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM), UiTM

# UCAPAN TAHNIAH
## Pelantikan Baharu/ Kenaikan Pangkat Staf/ Kejayaan & pencapaian Warga Universiti

Pelantikan **Baharu**



Kenaikan
PANGKAT STAF



Kenaikan
PANGKAT STAF



Kenaikan
PANGKAT STAF



Kejayaan & **Pencapaian**






# ARTIKEL/MEDIA
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Liputan Media
/Artikel



SUKARELAWAN daripada *Suspended Meal* terdiri daripada alumni dan pelajar UiTM berpadu tenaga membersihkan kediaman mangsa banjir di Hulu Langat baru-baru ini.



KOMITMEN tinggi ditunjukkan sukarelawan dalam membantu membersihkan barangan milik mangsa banjir amat dihargai semua pihak.

Kampus

# Kerah keringat bersih rumah mangsa banjir

Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

MUSIBAH banjir yang melanda beberapa negeri sejak 18 Disember lalu merupakan satu ujian yang harus diterima dengan hati terbuka oleh semua.

Banjir yang berlaku terutamanya di beberapa kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur merupakan antara terburuk sejak negara mencapai kemerdekaan.

Rentetan itu, ribuan mangsa terjejas, ada antaranya terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara selepas rumah mereka dinaiki air.

Ada mangsa terpaksa tinggal sehelai sepinggang ekoran air meningkat terlalu mendadak. Terdapat juga mangsa kehilangan kediaman selepas rumah mereka dibawa arus deras.

Bagaimanapun, kesusahan dan keperitan dialami oleh mangsa banjir sedikit terubat apabila ramai pihak tampil menghulurkan pelbagai bantuan.

Bantuan yang dihulurkan kepada mangsa hadir dalam pelbagai bentuk sama ada barangan keperluan asas, wang tunai mahu pun kerahan tenaga bagi membersihkan kediaman.

Tanpa mengenal kaum, agama dan darjat, semua pihak hadir membantu di bawah platform pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat, rukun tetangga dan orang perseorangan.

Tidak terkecuali menghulurkan bantuan ialah Pertubuhan Bantuan Makanan Malaysia (*Suspended Meal*) yang terdiri daripada alumni dan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) dari seluruh negara.

Pengasas *Suspended Meal*, Shafezah Abdul Wahab berkata, kebanyakan mangsa banjir kini lebih memerlukan tenaga kerja atau sukarelawan yang boleh membantu meringankan beban mereka membersih rumah.

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM itu turut memaklumkan, seramai 42 sukarelawan *Suspended Meal* turun membantu mereka terkesan di Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor baru-baru ini.

"Rata-rata mangsa yang ditemui memaklumkan, mereka sangat memerlukan bantuan dalam bentuk tenaga kerja bagi kerja-kerja mencuci rumah dan barangan dipenuhi lumpur.

"Justeru, kami mengambil inisiatif mengumpulkan dana bagi menjayakan misi ini dengan menyediakan tenaga kerja mahupun bantuan lain," katanya ketika ditemu bual baru-baru ini.

Tambah Shafezah, pihaknya turut membantu mengumpul dana sebelum diagih-agihkan kepada mangsa banjir dalam penyediaan barangan keperluan selepas proses pembersihan selesai.

Tegasnya, bantuan itu diharap dapat membantu meringankan beban mangsa banjir yang ketika ini berada dalam kesusahan selepas kehilangan harta benda.

"Antara barangan yang diberikan termasuk keperluan harian seperti bekalan makanan kering, lampin pakai buang dan susu bayi serta makanan tengah hari," katanya.

Misi bantuan banjir itu turut mendapat kerjasama Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM dan Temerloh Catering dalam menyediakan makanan buat sukarelawan dan mangsa.

> Rata-rata mangsa yang ditemui memaklumkan, mereka sangat memerlukan bantuan dalam bentuk tenaga kerja bagi kerja-kerja mencuci rumah dan barangan dipenuhi lumpur."

Sementara itu, syarikat Mamariam HQ membekalkan lampin pakai buang dan susu bayi, selain MyMarket HQ yang menyediakan bekalan makanan buat mereka yang terjejas.

Ketua Misi Bantuan, Affiq Zulkifle berkata, sukarelawan yang terlibat dalam misi bantuan itu berjaya membantu membersihkan 17 rumah di Taman Sri Nanding.

Jelasnya, cabaran dilalui sewaktu misi banjir itu termasuk tekanan air perlahan, selain lumpur yang agak tebal.

"Kita dapat melihat sendiri kesan musibah ini di rumah setiap mangsa. Majoriti rumah yang kami bantu juga memperlihatkan barangan elektronik sudah tidak dapat digunakan.

"Barangan perabot turut musnah terutamanya yang diperbuat daripada kayu. Setiap rumah mengalami kerugian ribuan ringgit," ujarnya.



KERUGIAN setiap rumah yang dilanda banjir dianggarkan mencecah ribuan ringgit berikutan banyak barang musnah termasuk perabot dan barangan elektrik.

Siaran Media - Kosmo
03 Januari 2022

# Kepimpinan Islam lebih bermoral



PERSPEKTIF

SHAFEZAH ABDUL WAHAB

Umat Islam perlu membina peribadi yang teguh dalam dunia tanpa sempadan ini kerana jika tidak, mereka akan ketinggalan dalam soal agama, akhlak dan kepimpinan. Ada bimbingan yang kita perlukan dari orang yang arif tetapi ia tidak terkejar oleh masa yang terlalu cemburu dengan kepintaran manusia meraih peluang.

Dalam peredaran kontemporari ini, masyarakat Islam yang berilmu perlu dilengkapi dengan moral dan akhlak terpuji kerana gabungan moral dan ilmu akan membentuk masyarakat dan negara terbilang.

Dunia tanpa sempadan kini membenarkan kita menembusi setiap ceruk kehidupan manusia tanpa dapat dikawal undang-undang. Oleh itu, peribadi soleh sajalah yang boleh menghalang perbuatan tidak amanah, tidak bertanggungjawab ataupun tidak menghormati hak orang lain. Peribadi soleh termasuklah juga kekuatan fizikal yang memungkinkan umat Islam menjalankan ibadah dan perintah ALLAH dengan sempurna tanpa bergantung kepada pertolongan serta bantuan orang.

Dalam kesibukan melakukan tugas seharian, setiap Muslim perlu memastikan peribadi mereka terjaga dengan menepati masa dan tidak membazirkannya.

Sepanjang waktu itu ada antara kita yang untung dan ada yang rugi, tetapi pastinya waktu yang telah pergi tidak akan kembali lagi sampai. Oleh itu, jadikan penularan Covid-19 dan bencana banjir ini sebagai renungan dalam usaha melakukan penghijrahan diri supaya lebih dekat dengan ALLAH.

Kepimpinan negara yang diterajui oleh kepimpinan Islam ini bagaikan diberi satu ujian daripada Yang Maha Esa dalam menangani krisis dunia yang amat bergantung kepada pengharapan yang sangat luar biasa. Berat kita (rakyat) melihat kemelut ini berat lagilah yang dipikul pemimpin kita.

Duduk seketika dan muhasabah diri. Ujian ini merupakan satu signal daripada ALLAH SWT supaya umat manusia sentiasa ingat-mengingati akan kebesaran -Nya.

Kita bersyukur keadaan sekarang masih dapat dikawal dengan sebaiknya walaupun ada sedikit api perpecahan yang dilakukan oleh 'tangan-tangan yang gatal'. Dengan keamanan, keselamatan akan terus terpelihara, keharmonian terbina dan agama Islam terus dilindungi.

Keamanan adalah asas utama menegakkan agama Islam, memaju dan memakmurkan sesebuah negara. Percayalah, kedaulatan agama Islam pasti tercalar jika keamanan negara tergugat dan mustahil untuk menegakkan syariat Islam jika negara kacau bilau dan huru-hara.

Islam menganjurkan umatnya supaya melaksanakan keadilan dalam setiap aspek kehidupan mereka. Perintah ini seiring dengan sifat ALLAH sendiri yang Maha Adil dan juga telah mengharamkan diri-Nya daripada melakukan kezaliman.

Seorang pemimpin dituntut untuk bersikap adil dan saksama dalam kepimpinannya dan jangan sama sekali melakukan kezaliman kepada manusia sejagat. Kepimpinan adalah satu amanah yang cukup berat lagi getir yang akan dipersoalkan satu persatu di hadapan persidangan agung Mahsyar.

Kepemimpinan dalam Islam mempunyai pengertian amat luas, mencakupi pemimpin dalam institusi keluarga, masyarakat dan juga negara. Semakin luas bidang kepemimpinan, maka semakin beratlah tanggungjawab perlu dilaksanakan.

Seseorang pemimpin itu hanya akan dianggap sebagai pemimpin yang adil apabila ia dapat melaksanakan amanah dipertanggungjawabkan kepadanya dengan sempurna. Dua amanah utama yang harus dipikul seorang pemimpin ialah melaksanakan syariat ALLAH SWT dan menggerakkan serta memimpin ke arah kehidupan yang diredai ALLAH SWT.

Oleh itu, pemimpin yang adil hendaklah sentiasa menjadikan al-Quran sebagai panduan utama dalam menjalankan amanah yang diberikan kepadanya. Ini kerana al-Quran mengandungi peraturan ALLAH SWT paling lengkap berbanding peraturan dicipta makhluk.

Kemakmuran atau kemunduran sesebuah negara atau organisasi adalah bergantung kepada baik atau buruknya pentadbiran pemimpin itu. Apabila pemimpin itu melaksanakan amanah nan dengan adil maka akan makmurlah negara dan organisasi.

** Shafezah Abdul Wahab ialah Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka*

Artikel Akhbar - Sinar Harian
10 Januari 2022

*Sumber Artikel : Shafezah Abdul Wahab*
*Pensyarah Kanan*
*FKPM UiTMCM*

# Pantau kenaikan harga barang



PERSPEKTIF

SHAFEZAH ABDUL WAHAB

"Kita tidak perlukan bangunan tinggi-tinggi. Kita perlukan gaji sedikit tinggi bagi menampung kos sara hidup yang mencanak".

Ini antara rata-rata respons rakyat di media sosial terhadap pengumuman Menara Merdeka 118 yang secara rasminya menjadi menara kedua tertinggi di dunia selepas Burj Khalifa dan tertinggi di Asia Tenggara pada ketinggian 678.9 meter.

Sungguhpun Menara Merdeka 118 ini bakal memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia kerana ia akan menjadi pemangkin baharu ekonomi, namun penerimaan awal sedikit mencalar hati segelintir rakyat. Bukan menolak kemajuan negara, tetapi isu kenaikan harga barangan dan makanan terutamanya ayam, sayur-sayuran dan telur terus menjadi perhatian dan kebimbangan rakyat terutamanya dalam suasana sektor ekonomi baru sahaja dibuka selepas hampir dua tahun terjejas akibat Covid-19.

Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu memandang serius isu kenaikan harga barang ini yang akan menjejaskan proses pemulihan negara jika tidak dikawal. Rakyat baru mula dapat menarik nafas lega selepas sektor ekonomi dibuka semula, namun kini terbeban pula dengan masalah kenaikan harga barang secara mendadak.

Tiada siapa yang menafikan secara keseluruhan bekalan barangan keperluan dalam negara mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperoleh. Meskipun dalam cuaca yang tidak menentu di beberapa negeri, bekalan makanan mentah tidak ada yang kurang.

Apabila kerajaan melonggarkan sekatan pergerakan, suasana di pasar, pasar raya atau pasar raya besar cukup meriah. Lantaran itu tiada alasan harga barang dinaikkan disebabkan pengurangan permintaan.

**Permintaan**

Perubahan harga yang dipengaruhi oleh faktor permintaan dan pasaran secara adil boleh diterima semua pihak. Dengan keredaan pandemik Covid-19, pembukaan semula ekonomi dunia telah meningkatkan permintaan secara mendadak.

Permintaan tinggi turut didorong oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan dan kelonggaran polisi monetari secara serentak oleh semua negara dalam menangani kelembapan ekonomi akibat pandemik Covid-19 sejak 2020.

Bagaimanapun, dilema pengguna hari ini terutama golongan B40 dan M40 pertengahan adalah harga barang-barang keperluan harian yang mencanak sejak beberapa bulan ini. Semuanya naik! Itulah kesimpulan yang boleh dibuat.

Susulan aduan kenaikan harga barang, KPDNHEP telah memeriksa premis-premis perniagaan di peringkat peruncit, pemborong dan pengilang.

Tidak logik untuk alasan peniaga menaikkan harga bagi menanggung kerugian disebabkan pembelian merosot. Oleh itu, mengapa harga barang keperluan harian melonjak dengan ketara? Adakah wujud pihak yang mengambil kesempatan sehingga menyebabkan berlaku peningkatan ketara harga runcit bagi keperluan makanan?

Meskipun harga runcit sebahagian besarnya dipengaruhi rantaian bekalan domestik, ia tidak sewajarnya naik pada kadar keterlaluan memandangkan rantaian domestik tidak dipengaruhi input global.

Harga runcit wajar naik tetapi tidak boleh keterlaluan. Harga runcit boleh naik tetapi Margin Runcit-Ladang seharusnya kekal memandangkan rantaian domestik tidak dipengaruhi input global.

Kenaikan harga barang ini jika tidak dipantau dengan teliti oleh KPDNHEP dikhuatiri akan menjejaskan kehidupan isi rumah berpendapatan kecil dan keluarga yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Jika dahulu dengan mempunyai duit cukup-cukup sahaja boleh beli ikan sardin tin atau ikan bilis, tetapi sekarang harga setin sardin juga meningkat kepada lebih RM7 setin manakala ikan bilis paling murah RM24 sekilo. Senang cerita, RM100 yang dibawa suri rumah ke pasar tidak lagi mampu memenuhi bakul apatah lagi troli.

Sehubungan itu, inisiatif KPDNHEP melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sebagai langkah untuk menstabilkan harga barangan keperluan semasa dalam memastikan keberadaan bekalan di pasaran yang berkuat kuasa 7 hingga 31 Disember ini dilihat sebagai satu langkah positif kerajaan.

KPDNHEP kini bukan sahaja perlu memantau bekalan barangan pengguna mencukupi sebaliknya pastikan peniaga tidak menaikkan harga barangan.

Sebagai salah satu kementerian di bawah kerajaan, KPDNHEP perlu meletakkan kepentingan pengguna mengatasi keuntungan peniaga yang mengambil kesempatan di sebalik kesukaran rakyat.

** Shafezah Abdul Wahab ialah Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM Cawangan Melaka*

Artikel Akhbar - Sinar Harian
09 Disember 2021

*Sumber Artikel : Shafezah Abdul Wahab*
*Pensyarah Kanan FKPM, UiTMCM*

# Kuasa netizen di media sosial



PERSPEKTIF

SHAFEZAH ABDUL WAHAB

Era hari ini dilihat sebagai satu tempoh yang tidak lagi membolehkan pentadbir negara memonopoli ilmu dan kebijaksanaan internet yang awalnya dicipta sebagai sumber maklumat. Kini, ia telah bertukar menjadi senjata yang berkuasa mengubah landskap politik serta sosial sesebuah negara.

Perubahan landskap Malaysia kini membenarkan rakyat menyuarakan pendapat, isu ataupun kritikan di internet melalui media sosial kerana medium ini dilihat sebagai satu platform atau catatan berkaitan pendapat peribadi seseorang dalam olahan terhadap mana-mana isu sama ada berkaitan politik, ekonomi ataupun sosial.

Pada September 2021, Kementerian Komunikasi dan Multimedia merekodkan seramai 28 juta atau 86 peratus daripada penduduk negara ini sebagai pengguna media sosial. Kemunculan blog dan vlog menyaksikan rakyat kini berperanan sebagai wartawan di mana mereka bebas menulis apa sahaja di fikiran tanpa melalui gatekeeper seperti di media arus perdana.

Fenomena ini telah meletakkan kuasa media pada tangan rakyat atau disebut kuasa netizen. Setiap pemilik telefon pintar kini sebenarnya memegang sebuah stesen televisyen dan akhbar dalam tangan mereka.

Dengan wujudnya pelbagai platform media sosial seperti Instagram, Facebook, YouTube, TikTok mahupun WhatsApp; semua topik disiarkan dan dikongsi mengikut cita rasa rakyat malah mereka sudah kurang percaya terhadap ketelusan laporan isu di media arus perdana. Dalam keadaan ini, agensi kerajaan berkaitan yang mengambil tindakan menyekat kebebasan media sosial dilihat sebagai musuh yang cuba membantutkan suara rakyat.

Sejak 2018 hingga 2021, Malaysia telah bertukar tiga Perdana Menteri. Daripada kaca mata rakyat, penasihat-penasihat komunikasi yang dilantik juga gagal merangka strategi mampan pemimpin atau agensi kerajaan yang menyertai platform-platform media sosial dalam mencorak strategi komunikasi berkesan.

Portal rasmi dan juga akaun media sosial ditadbir secara protokol dengan memberikan ayat-ayat klise seperti 'dalam siasatan', 'enggan mengulas lanjut', 'telah dimajukan ke jabatan berkenaan' dan lebih teruk ruangan komen ditutup.

Lebih malang apabila pegawai-pegawai yang tidak minat disuruh buka akaun TikTok kononnya untuk lebih cakna dan mesra rakyat tetapi akhirnya membawa kepada kemunculan 'Polis TikTok' yang membuat posting memerli, melarang, siber buli dan pelbagai bahasa kasar, menghina serta mencaci pengguna TikTok lain.

Tanpa netizen sedar bahawa tindakan mereka sebenarnya boleh didakwa di bawah Seksyen 211 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang membawa hukuman maksimum denda RM50,000 atau boleh dipenjara jika komen berbaur hinaan, cacian, mempersendakan mana-mana pihak. Malah boleh dikenakan denda RM1,000 setiap hari selagi komen itu berada di media sosial.

Semua perkara ini sebenarnya berlaku mengikut kehendak netizen. Mereka memimpin perkembangan sesuatu isu untuk menjadi tular dan mendapat perhatian pihak berkuasa. Contohnya video Menteri Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Datuk Rina Harun menggunakan water jet mencuci koridor sekolah yang sudah sedia bersih menerima kutukan berjemaah oleh pengguna TikTok dan media sosial lain sehinggalah segala program beliau diserang dan menerima komen negatif.

Bukan mudah untuk mereka yang menjadi sasaran netizen bangkit semula. Kekuatan mental dan fizikal amat penting; sama seperti internet jika sebelum ini netizen gunakan sebagai pisau untuk membunuh maka kali ini manfaatkanlah internet sebagai pisau untuk mendapat makanan.

Netizen perlu bijak dalam menyuarakan pendapat terutamanya menerusi media sosial walaupun Malaysia adalah sebuah negara demokrasi. Ini kerana menerusi platform media sosial orang ramai bebas mengemukakan pendapat mereka tanpa sekatan dan ia boleh menimbulkan kekeliruan.

Kesimpulannya, kuasa media ketika ini bukan lagi sama seperti era mesin taip di mana pemimpin boleh beri arahan mengikut selera mereka. Kuasa media ketika ini kembali sepenuhnya kepada rakyat. Mereka menentukan hala tuju yang mereka mahu dengan menggunakan platform media sosial.

Media arus perdana pula tiada pilihan lain. Untuk kekal relevan mereka perlu berdiri sama tinggi dengan rakyat. Perlu mengetengahkan kehendak rakyat.

**Shafezah Abdul Wahab ialah Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka*

Artikel Akhbar - Berita Harian
23 Disember 2021

*Sumber Artikel : Shafezah Abdul Wahab*
*Pensyarah Kanan FKPM,UiTMCM*

# SKMM perlu tegas tangani berita palsu vaksinasi



Pensyarah Kanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Alor Gajah

**Oleh Dr Mohamad Hafifi Jamri**
bhrencana@bh.com.my

**Wabak** COVID-19 memberi impak begitu besar kepada masyarakat seluruh dunia dan kini, kemunculan varian Omicron yang dikenal pasti amat pantas dan mudah berjangkit mencetuskan lebih banyak kebimbangan.

Jika ditinjau peringkat awal kemunculan COVID-19, penyebaran berita palsu berkenaan wabak ini sangat banyak terutamanya di media sosial.

Kepantasan platform ini sebagai agen penyampaian serta perkongsian maklumat disalah guna individu tidak bertanggungjawab untuk menjadi 'orang pertama' berkongsi maklumat tanpa sebarang semakan terlebih dahulu.

Kesannya, maklumat salah dikongsi dan ditularkan kepada ribuan orang dalam tempoh singkat. Implikasi lebih besar berita palsu berupaya menimbulkan situasi panik kepada orang yang mempercayai maklumat tanpa membuat semakan terlebih dahulu.

Contohnya seperti pembelian panik masyarakat akibat kepercayaan berkenaan kononnya pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ada juga segelintir individu tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu berkenaan keburukan mengambil vaksin dengan hujah serta justifikasi direka-reka sendiri.

Ini disokong pula golongan antivaksin yang mempunyai pelbagai persepsi negatif berkenaan pengambilan vaksin oleh masyarakat.

Galakan kerajaan supaya masyarakat turut mengambil dos penggalak juga kadangkala dipermainkan golongan tidak bertanggungjawab ini. Keadaan ini jelas memburukkan usaha kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai anggota masyarakat mengambil vaksin demi kesejahteraan kesihatan individu.

Dalam hal ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta agensi penguatkuasaan terbabit perlu lebih tegas menangani permasalahan berkenaan penyebaran berita palsu ini. Menerusi penggunaan undang-undang, individu tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu, terutama berkaitan usaha kerajaan menangani wabak COVID-19 wajar dikenakan hukuman lebih berat.

Ini kerana pelakuan tidak bertanggungjawab ini jelas berupaya merencatkan usaha kerajaan dalam membendung wabak COVID-19. Yang pasti, sebarang bentuk budi bicara tidak wajar diberikan ke atas golongan seperti ini.

Langkah tegas bukan hanya dapat memberikan pengajaran kepada si pelaku, bahkan kepada pihak lain supaya berhenti ataupun tidak sewenang-wenangnya menyebarkan maklumat tanpa semakan terlebih dahulu.

Seterusnya, peningkatan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan pengambilan vaksin harus diteruskan. Dalam hal ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Kesihatan (KKM) perlu berganding bahu menggunakan platform media untuk menyedarkan masyarakat berkenaan pentingnya pengambilan vaksin serta dos penggalak.

Inisiatif untuk turun memberikan kesedaran pada peringkat lapangan juga wajar dijalankan pegawai kementerian serta pada peringkat negeri, daerah dan kampung supaya masyarakat yang tidak mempunyai akses ke atas media masih dapat memperoleh maklumat berkenaan perkara ini.

Dalam masa sama, penyampaian maklumat secara dalam talian serta pada peringkat lapangan juga harus dirangkumkan dengan nasihat berkenaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Menerusi usaha serta integrasi kaedah ini, diharapkan masyarakat lebih sedar berkenaan kepentingan sentiasa menjaga kesihatan diri, keluarga dan masyarakat, di samping turut berhati-hati dalam penyampaian maklumat.

Artikel Akhbar - Berita Harian
21 Januari 2022

*Sumber Artikel : Dr. Mohamad Hafifi Jamri*
*Pensyarah Kanan FKPM,UiTMCM*

Liputan Media /Artikel



SUKARELAWAN badan pertubuhan kerajaan (NGO), Suspended Meal bergambar selepas mengagihkan sumbangan pada kempen misi Bantuan Prihatin Banjir kepada mangsa banjir di Sungai Rambai, Melaka baru-baru ini. Suspended Meal merupakan NGO dianggotai sukarelawan daripada mahasiswa dan alumni Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara cawangan Melaka.

Siaran Media - Kosmo
21 Januari 2022



PERBUATAN merokok di tempat awam terutama di kedai makan kebelakangan ini dilihat semakin menjadi-jadi.

# Sokong sasaran lahir generasi tidak kenal rokok

**SAUDARA PENGARANG,**

**ISU** merokok di tempat awam terutama di kedai makan kebelakangan ini dilihat semakin menjadi-jadi. Sikap segelintir perokok yang tidak peka dengan perasaan orang sekeliling menimbulkan kemarahan masyarakat.

Situasi ini dilihat semakin parah sejak kerajaan memberikan kelonggaran untuk makan di restoran selepas sahaja tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Peribahasa bagaikan kera mendapat bunga merupakan perumpamaan paling tepat ditujukan kepada golongan ini. Kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan tidak dihargai oleh mereka.

Setakat ini, Malaysia berada pada kedudukan ke-72 paling ramai perokok di dunia dengan tujuh juta penduduknya ialah perokok. Lebih 10,000 kematian dicatatkan setahun di negara ini disebabkan komplikasi merokok dengan nilai kerugian ditanggung akibat kos rawatan dan kehilangan produktiviti kira-kira RM20 bilion.

Penguatkuasaan semula undang-undang secara lebih ketat merupakan jalan terbaik ke arah membendung situasi ini daripada menjadi lebih parah.

Apakah yang terjadi kepada larangan merokok di semua premis makanan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bermula 1 Januari 2020? Ekoran larangan itu, perbuatan merokok wajib dilakukan di luar jarak tiga meter dari setiap premis berkenaan.

Bagi kesalahan merokok di kawasan larangan, kompaun sebanyak RM250 boleh dikenakan dan sekiranya gagal membayar kompaun, mereka akan didakwa di mahkamah dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau tidak lebih dua tahun penjara.

Pada 2020, cukup giat dilaksanakan penguatkuasaan larangan merokok di premis makanan dengan banyak notis amaran dikeluarkan.

Perasaan semakin berani untuk merokok di lokasi awam disebabkan ketiadaan apa-apa tindakan daripada pihak berkuasa wajar dihalang menerusi aktiviti penguatkuasaan secara besar-besaran.

Langkah ini juga dapat mengelak lebih ramai anggota masyarakat menjadi perokok pasif dalam keadaan diri mereka sendiri tidak rela diperlakukan sebegitu.

Dari sudut Islam, merokok adalah haram disebabkan terdapat kemudaratan iaitu merosakkan tubuh badan.

Perlakuan merokok secara terbuka di tempat awam ini dirujuk sebagai amat tidak baik kerana tindakan itu bukan sahaja secara terang-terangan telah memudaratkan diri sendiri.

Ia turut berupaya memberikan kemudaratan kepada kesihatan orang sekeliling yang telah menjadi perokok pasif. Perokok pasif adalah mereka yang tidak merokok tetapi terdedah dengan asap rokok.

Justeru, keadaan ini tidak boleh dibiarkan dan harus dibendung dengan segera sebelum keadaan menjadi lebih parah.

Dalam pada itu, saya menyambut baik pengumuman Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin baru-baru ini bahawa pihaknya berhasrat menggubal rang undang-undang (RUU) baharu dikenali sebagai Akta Kawalan Tembakau dan Merokok dalam sidang Parlimen tahun ini.

Diharapkan RUU itu lebih tegas dan bakal melahirkan generasi muda yang tidak lagi kenal apakah itu rokok dan segala produk berkaitan dengannya.

**DR. MOHAMAD HAFIFI JAMRI**
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Berita Harian
29 Januari 2022

*Sumber Artikel : Dr. Mohamad Hafifi Jamri*
*Pensyarah Kanan FKPM,UiTMCM*

# Portal KKM saluran peroleh maklumat sahih vaksinasi



Pensyarah Kanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah

Oleh Dr Mohd Sufiean Hassan
bhrencana@bh.com.my

**Ketika** negara berdepan serangan wabak COVID-19, pelbagai usaha dirancang dan dilaksanakan kerajaan bagi memastikan setiap peringkat rakyat dilindungi.

Usaha kerajaan dalam memerangi wabak yang menyerang seluruh dunia ini wajar mendapat sokongan rakyat, kerana bumi dipijak ini adalah negara yang dicintai.

Pelbagai usaha dilaksanakan dari segi fizikal, sosial dan psikologi bagi memastikan rakyat menerima impak paling minimum walaupun banyak negara di luar sana yang rakyatnya sengsara kebuluran dan statistik kematian yang kian meningkat dek serangan wabak COVID-19.

Dalam usaha memastikan setiap rakyat mempunyai imuniti melawan serangan virus pembunuh ini, program vaksinasi yang awalnya menyasarkan imuniti kelompok, kemudian diperluaskan kepada semua peringkat umur melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Kini, kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (PICKids) yang akan bermula 3 Februari depan.

Apa peranan rakyat bagi menyokong inisiatif ini? Dalam teknologi media hari ini, rakyat mempunyai akses luas kepada media dan sumber maklumat.

Dalam masa kurang seminit, pelbagai maklumat daripada pelbagai sumber baik yang positif atau negatif pasti melintas pada skrin paparan telefon pintar.

Jadilah pengguna media yang bijak untuk menapis setiap maklumat berkaitan program vaksinasi, agar pembentukan struktur pengetahuan yang kukuh mampu mendorong tindakan yang sepatutnya.

Dapatkan maklumat sahih dan tepat melalui sumber yang wajar supaya kita tidak termasuk dalam kluster pengguna media yang menjadi mangsa kepada kecelaruan maklumat.

Kecelaruan maklumat adalah maklumat yang salah, iaitu maklumat palsu, mengelirukan, dimanipulasi dan direka bertujuan mencetuskan provokasi serta menimbulkan kebencian terhadap usaha kerajaan dalam program vaksinasi.

Maklumat berkaitan vaksinasi boleh diperoleh daripada portal KKM dan pengguna yang mempunyai keraguan tentang program vaksinasi boleh terus mengakses talian hotline bagi mendapatkan penjelasan daripada KKM secara terus.



*Pendedahan kepada maklumat positif berkaitan program vaksinasi secara tidak langsung mendorong orang ramai bersedia mengambil suntikan vaksin.* (Foto hiasan)

Hari ini, pelaporan berita diterbitkan pelbagai portal sama ada rasmi atau tidak rasmi. Pengguna sering menjadi mangsa berita palsu apabila terdedah berita dilaporkan portal tidak rasmi.

Rakyat bukan sahaja berfungsi membendung penularan wabak COVID-19, malah turut sama berganding bahu mengekang penyebaran berita palsu.

Portal Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia menyediakan pautan sebenarnya.my bagi membantu rakyat mengesahkan berita diperoleh. Sebarang berita tidak tepat diklasifikasi palsu dan penyebaran berita ini wajar dihentikan segera terutama berkaitan program vaksinasi.

Rakyat juga disaran sekiranya menerima maklumat tidak ditentu sah yang membabitkan kepentingan awam mahupun negara, untuk menyalurkan maklumat itu melalui pautan sebenarnya.my.

Secara psikologi, pendedahan kepada maklumat positif berkaitan program vaksinasi secara langsung membentuk fungsi kognitif sedar yang mendorong kepada kesediaan tubuh untuk mengambil suntikan vaksin (dos Pertama, kedua atau dos penggalak).

Apabila tubuh bersedia secara langsung kesan sampingan suntikan vaksin dapat dikurangkan, namun jika rakyat terdedah dan membiarkan diri diserang maklumat negatif tentang program vaksinasi, maka fungsi kognitif sedar menolak segala tindakan untuk mengambil vaksin.

Hal ini menyulitkan usaha kerajaan untuk memerangi wabak COVID-19 bagi melindungi seluruh lapisan rakyat daripada serangan wabak yang tiada sifat fizikal.

Maka, rakyat berperanan amat penting untuk bersama pihak berkuasa berganding bahu, bekerjasama dan sepakat untuk sama-sama memerangi wabak COVID-19.

Demi masa depan anak, demi keselamatan yang tersayang dan negara yang tercinta, bangkit rakyat Malaysia, bersatu hati memerangi wabak COVID-19.

Artikel Akhbar - Berita Harian
29 Disember 2021

*Sumber Artikel : Dr. Mohd Sufiean Hassan*
*Pensyarah Kanan FKPM,UiTMCM*

Diterbitkan oleh:

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049

9 772785 804005